

FATWA IN MALAYSIA: A HIGHLIGHT OF FATWAS IN MUAMALAT**FATWA DI MALAYSIA: SATU SOROTAN TERHADAP FATWA DALAM BIDANG MUAMALAT**

Nasrul Hisyam Nor Muhamadⁱ, Mohd Khairy Kamarudin^{ii,iii}, Mohd Nasir Ripin^{iv}, Ahmad Muhyuddin Hassan^v, Ahmad Che Yaacob^{vi}, Aminuddin Ruskam^{vii}, Sayed Mahusain Syed Ahmad^{viii} & Abdul Halim Zulkifli^{ix}

ⁱ (Corresponding author) Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. nasrul@utm.my

ⁱⁱ Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan. khairy.k@umk.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, & Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia. nasiripin@utm.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. amdeen@utm.my

^{vi} Prof Madya, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. ahmadcy@utm.my

^{vii} Prof Madya, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. al-dawamy@utm.my

^{viii} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. s-mohsin@utm.my

^{ix} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. halim-zulkifli@utm.my

Abstract	<p><i>This paper discusses issued fatwas by the states in Malaysia in the field of Muamalat. The scope of fatwas is from 1976 till 2015. The statistics of fatwas related to muamalat is presented based on major sub-areas in muamalat including stocks and investments, trading, riba', zakat, waqf, baitulmal, insurance, banking and inheritance. At the same time, a number of fatwa that has been gazzeted and vice versa. The main and important issues in muamalat is reviewed. Data regarding fatwa is obtained from www.e-fatwa.my and analyzed descriptively. This study concludes that muamalat field has its own position in state's fatwa and this reflects the development of Muslim society in this field.</i></p> <p>Keywords: <i>Fatwa, Muamalat, Shares, Zakat, Waqf, Inheritance.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kertas ini membincangkan mengenai fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Malaysia dalam bidang muamalat. Skop fatwa adalah dari tahun 1976 hingga 2015. Statistik fatwa berkenaan muamalat ini akan dibentangkan berdasarkan sub bidang utama dalam bidang muamalat termasuk saham dan pelaburan, jual beli, riba', zakat, wakaf, baitulmal, insurans, perbankan, dan perwarisan. Begitu juga bilangan fatwa yang telah diwartakan dan sebaliknya. Isu-isu utama dan penting dalam bidang muamalat akan dikupas. Data fatwa diperolehi daripada laman web www.e-fatwa.gov.my dan dianalisis secara diskriptif. Kajian ini merumuskan bahawa bidang muamalat mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam fatwa negeri dan ini menggambarkan perkembangan masyarakat Islam dalam bidang tersebut.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Fatwa; Muamalat, Saham, Zakat, Wakaf, Perwarisan</i></p>

PENDAHULUAN

Secara umumnya, fatwa bermaksud suatu penerangan secara terperinci mengenai hukum syarak kepada masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh secara tidak terikat (Abu Zahrah, 1997). Secara amalannya masyarakat Islam ataupun pemerintah akan meminta fatwa dari mereka yang benar-benar berwibawa dalam bidang agama Islam. Oleh itu masalah penolakan

terhadap fatwa jarang berlaku dan kebanyakan fatwa yang diminta mempunyai pengaruh yang persuatif di dalam masyarakat dan kerajaan Islam (Abdul Monir, 1998).

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, Majlis Agama Islam ditubuhkan dan peranan Mufti telah diperkukuhkan dan diinstitusikan melalui perlantikan secara rasmi Mufti sebagai seorang penjawat awam yang berfungsi untuk memberi nasihat mengenai hukum-hukum agama Islam kepada pihak Sultan (M Chiroma et.al. 2014). Penginstitusian jawatan Mufti mempunyai beberapa kesan langsung iaitu (Ahmad Hidayat, 2004 & Y Shiozaki, 2015):

- i. Fatwa yang dikeluarkan secara rasmi melalui warta mempunyai kuatkuasa perundangan ke atas penduduk Islam negeri berkenaan,
- ii. Memperkukuhkan kedudukan mazhab Syafi'i sebagai mazhab rasmi yang diikuti dengan pengenalan acara-acara fatwa yang mengkehendaki semua keputusan mengenai fatwa merujuk kepada mazhab Syafi'i dan
- iii. Mengkhususkan fungsi dan peranan Mufti dengan penubuhan Jabatan Mufti yang berasingan daripada Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah.

Antara bidang yang mendapat tempat dalam fatwa ialah bidang muamalat. Hal ini bertambah ketara apabila Malaysia menjadi antara negara yang paling dominan mempraktikkan sistem kewangan Islam bermula sekitar 1983 dan 1984. Kertas ini cuba melakukan sorotan ringkas berkenaan fatwa-fatwa negeri yang dikeluarkan dalam bidang ini. Fatwa di peringkat kebangsaan tidak termasuk dalam kajian ini berdasarkan kedudukannya yang tidak mengikat dari segi perundangan, berbanding fatwa di peringkat negeri.

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan statistik fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Malaysia dalam bidang muamalat 1976 hingga 2015 serta membincangkan beberapa isu utama dalam muamalat yang difatwakan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri.

METODOLOGI KAJIAN

Data mengenai fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh badan atau jawatankuasa fatwa peringkat negeri-negeri telah diperolehi melalui laman web e-fatwa.gov.my. Penyelidik telah membuat sisihan terhadap fatwa yang dikenalpasti dalam kategori bidang muamalat (sepertimana yang disenaraikan dalam Jadual 2).

Jumlah fatwa yang diperolehi daripada tahun 1976 hingga 2015 ialah sebanyak 255 fatwa. Untuk mendapatkan bilangan dan merekodkan dalam statistik, kiraan secara manual dilakukan kerana laman web berkenaan tidak mengasingkan fatwa berkenaan sub-sub bidang dalam muamalat dan negeri-negeri. Daripada jumlah 255 fatwa tersebut, pengkaji telah memilih empat isu muamalat yang paling popular dilihat dari sudut pewartaan fatwa tersebut, iaitu berkaitan saham, zakat, wakaf, dan pusaka (yang merupakan kaitan antara perwarisan dan baitulmal). Jumlah fatwa yang telah diwarta bagi keempat-empat isu itu ialah sebanyak 57 fatwa. Empat isu muamalat tersebut dibincangkan menerusi kaedah analisis kandungan telah digunakan, termasuk menggunakan pendekatan induktif, deduktif, dan komparatif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan statistik fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Malaysia dalam bidang muamalat daripada tahun 1976 hingga 2015.

Jadual 1: Statistik Fatwa Bidang Muamalat Mengikut Negeri dari tahun 1976 hingga 2015

BIL	NEGERI	WARTA	PERATUS	TIDAK DIWARTAKAN	PERATUS	JUMLAH
1	Johor	2	3%	11	5%	13
2	Melaka	16	25%	5	8%	21
3	Negeri Sembilan	3	5%	15	7%	18

4	Kedah	0	0%	8	3%	8
5	Selangor	24	38%	16	16%	40
6	Terengganu	1	2%	56	22%	57
7	Wilayah Persekutuan	8	13%	3	4%	11
8	Pulau Pinang	3	5%	26	7%	18
9	Kelantan	1	2%	15	6%	16
10	Sabah	1	2%	2	1%	3
11	Sarawak	0	0%	9	4%	9
12	Pahang	0	0%	7	3%	7
13	Perak	4	6%	8	5%	12
14	Perlis	0	0%	11	4%	11
JUMLAH		63		192		255

Sumber: e-fatwa.gov.my

Berdasarkan Jadual 1, negeri yang paling tinggi mengeluarkan fatwa adalah negeri Terengganu iaitu berjumlah 57 sebanyak 22% . Ini diikuti oleh negeri Selangor iaitu berjumlah 40 sebanyak 16% , negeri Melaka iaitu berjumlah 21 sebanyak 8%, negeri Sembilan iaitu berjumlah 18 sebanyak 7%, negeri Kelantan iaitu berjumlah 16 sebanyak 6%, negeri Johor iaitu berjumlah 13 sebanyak 5 % , negeri Perak iaitu berjumlah 12 sebanyak 5%, negeri Perlis iaitu berjumlah 11 sebanyak 4%, negeri Sarawak iaitu berjumlah 9 sebanyak 4%, negeri Kedah iaitu berjumlah 8 sebanyak 3%, dan negeri Pahang iaitu berjumlah 7 sebanyak 3%. Negeri yang paling kurang adalah negeri Sabah iaitu berjumlah 3 sebanyak 1%.

Fatwa yang diwartakan adalah berjumlah 63 fatwa, iaitu mewakili 24% keseluruhan fatwa. Manakala yang tidak diwartakan adalah berjumlah 192, itu sebanyak 75%. Jumlah keseluruhan fatwa dalam bidang muamalat yang direkodkan dari tahun 1976 hingga 2015 adalah sebanyak 255 fatwa. Jadual 2 pula menunjukkan fatwa mengikut sub bidang muamalat dari tahun 1976 hingga 2015 yang dikeluarkan oleh negeri-negeri.

Jadual 2 : Statistik Fatwa Mengikut Sub-Bidang dari tahun 1976 hingga 2015

BIL	SUB-BIDANG	FATWA YANG DIWARTAKAN	PERATUS	FATWA YANG TIDAK DIWARTAKAN	PERATUS	JUMLAH
1	Saham dan Pelaburan	8	12%	20	11%	28
2	Jual beli	5	7%	20	11%	25
3	Riba'	0	0%	2	1%	2
4	Zakat	30	48%	102	53%	132
5	Wakaf	14	22%	6	8%	20
6	Baitulmal	3	4%	11	6%	14
7	Insurans	0	0%	7	3%	7
8	Perbankan	1	1%	6	3%	7
9	Perwarisan	2	3%	18	9%	20
JUMLAH		63		192		255

Sumber: e-fatwa.gov.my

Berdasarkan Jadual 2, sub-bidang muamalat yang tertinggi dari segi pengeluaran fatwa ialah dalam perkara zakat, iaitu sebanyak 132 fatwa. Ini diikuti oleh jual beli (25 fatwa), saham dan pelaburan (28 fatwa), dan wakaf (20 fatwa). Fatwa yang paling sedikit ialah mengenai riba, iaitu sebanyak 2 fatwa. Jumlah keseluruhan fatwa ialah sebanyak 255 fatwa.

SOROTAN FATWA

Berikut merupakan ulasan terhadap beberapa fatwa terpilih berkaitan muamalat di negeri-negeri di Malaysia.

Saham

Saham ialah sejumlah unit pemilikan pelabur dalam syarikat perkongsian atau awam, yang berbeza keadaannya dengan jumlah bahagian modal dalam syarikat individu. Ia juga bermaksud satu transkrip atau sijil yang diberikan kepada pelabur sebagai pernyataan haknya yang sebenar dalam pemilikan modal syarikat.

Secara umumnya, fuqaha berpendapat bahawa Islam secara umumnya mengharuskan penerbitan dan jual beli saham dengan syarat tidak mengandungi unsur-unsur yang haram seperti riba', gharar, perniagaan benda yang haram dan unsur-unsur haram yang lain. Oleh itu hukum sesuatu saham berbeza mengikut saham tersebut dan jenisnya (al-Khin, 2003).

Dalam konteks fatwa, persoalan tentang masalah keharusan jual beli saham, saham ASN dan ASB menjadi topik perbincangan yang popular. Berdasarkan kajian ini, kesemua transaksi atau instrumen saham dijawab dengan positif oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri. Sebagai contoh fatwa negeri Kedah berpendapat bahawa transaksi saham ASN dan ASB adalah sah sungguh pun mendapat bantahan daripada pihak tertentu yang beralasan terdapat beberapa unsur yang haram di dalam urusan saham-saham tersebut (fatwa Kedah pada 15hb Ogos 1992 dan 09hb Januari 1993). Namun fatwa mengenai keharusan jualan saham secara kontra (fatwa Kedah pada 17hb Ogos 1996) mungkin tidak tepat kerana amalan jualan saham secara sebegini tidak dibenarkan oleh BSKL kerana ianya semata-mata bersifat spekulatif.

Berdasarkan ciri yang pertama bentuk pelaburan yang dijamin keuntungan dari segi syarak termasuk salah satu daripada dua bentuk iaitu qard atau pinjaman dengan faedah yang diisyaratkan yang mana ia adalah riba'. Kedua adalah akad mudharabah yang rosak syarat-syaratnya. Dalam akad qard, manfaat atau hadiah atau jaminan pulangan tidak boleh disyaratkan kerana membawa kepada riba'. Ini berdasarkan kepada Hadis Rasulullah S.A.W:

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فَهُوَ رِبَاٌ

Maksudnya: "Setiap pinjaman yang membawa manfaat (faedah) adalah riba" (Hadis. Al-Bayhaqiyy).

Persamaan fatwa negeri berkaitan saham ASN dan ASB adalah harus. Ini kerana pelaburan yang dilakukan adalah berlandaskan syariat Islam dan tidak mempunyai unsur syubhah. Seperti yang diwartakan oleh negeri Wilayah persekutuan Kuala Lumpur pada tarikh 12 Mei 2008 menyatakan bahawa "Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus".

Ini kerana dalam isu pelaburan yang bercampur antara halal dan haram, telah jelas bahawa PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak comply dengan syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha' iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha' muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam (al-Zuhayliyy, 1997).

PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam. Dalam hal ini, masalah umat Islam adalah penting dan kemudharatan yang lebih besar perlu dielakkan (www.pnb.com.my).

Agihan Zakat

Dalam syariat Islam, zakat diagihkan kepada lapan asnaf berdasarkan surah al-Taubah, ayat 60, iaitu orang fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang, fi sabilillah dan ibnu sabil. Dalam hal ini, sekiranya semua lapan golongan tersebut ada, maka ia wajib diagihkan kepada mereka semua dan tidak boleh dikecualikan walaupun satu golongan. Namun, jika satu golongan tiada, bahagiannya dibahagikan kepada golongan yang lain. Seterusnya, jika bahagian suatu golongan melebihi keperluan ahli golongan itu, lebihan itu diserahkan kepada yang lain. Zakat dibahagikan kepada semua golongan yang ada secara sama rata walaupun keperluan mereka berbeza kecuali amil, dia mendapat upah sebelum zakat dibahagikan (al-Qaradawiyy, 2000).

Agihan Zakat di Malaysia berpandukan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah. Dalam hal ini, Warta Selangor (Sel . P. U. 130 - 29hb Ogos 1994) telah memberikan penjelasan yang agak teliti kadar-kadar agihan harta zakat kepada asnaf-asnaf. Namun ia tidak menerangkan dasar-dasar agihan tersebut. Dasar-dasar agihan zakat diterangkan dengan jelas oleh fatwa agihan zakat negeri Perlis (pada 8 Oktober 1989) seperti berikut:

- i. Semua pendapat zakat hendaklah disatukan.
- ii. Agihan zakat hendaklah sama rata iaitu $1/8 \times 8$.
- iii. Saham asnaf fakir dan miskin tidak boleh dikurangkan atau diambil bagi menampung asnaf yang lain.
- iv. Lebihan asnaf lain boleh diagihkan kepada asnaf yang lain terutama asnaf fakir dan miskin.
- v. Hasil zakat bijian hendaklah diagihkan mengikut bilangan kali memunggut.
- vi. Asnaf *al-Riqab* hendaklah ditafsirkan sebagai membasmi kejahatan dan perbelanjaan Sekolah Agama Rakyat.

Di Wilayah Persekutuan tidak terdapat peruntukkan zakat asnaf al-Riqab. Fatwa Wilayah Persekutuan misalnya menyatakan agihan zakat untuk asnaf ini ditangguhkan sehingga ditentukan oleh pemerintah (fatwa Wilayah Persekutuan 1975 – 1986, Minit 77). Negeri Melaka telahewartakan fatwa pada tarikh 19 Nov 2010. Kadar pengurusan agihan lebihan zakat negeri:

- 1) Menetapkan bahawa kaedah pengurusan lebihan agihan zakat daripada kutipan zakat bagi tahun semasa di Negeri Melaka adalah seperti berikut -
 - (a) lebihan agihan zakat daripada mana-mana bahagian asnaf bagi tahun semasa hendaklah dipindahkan kepada bahagian asnaf lain yang ada penerimanya dalam tahun semasa tersebut;
 - (b) sekiranya masih berbaki, lebihan agihan zakat daripada jumlah kutipan zakat bagi tahun semasa hendaklah dicampurkan dengan anggaran hasil kutipan zakat pada tahun berikutnya mengikut bahagian asnaf yang telah ditentukan; dan
 - (c) lebihan agihan zakat tersebut hendaklah disimpan di dalam kumpulan wang lebihan zakat.
- 2) Penggunaan dan perbelanjaan lebihan agihan zakat tersebut adalah hanya untuk lapan asnaf yang layak menerima zakat pada tahun yang berikutnya dengan menaikkan kadar bantuan agihan kepada setiap asnaf bagi tahun tersebut.

Wakaf

Wakaf menurut istilah Syarak ialah menahan sesuatu benda yang kekal zatnya, untuk diambil manfaatnya untuk kebaikan dan kemajuan Islam. Menahan sesuatu benda

yang kekal zatnya, ertinya tidak dijual dan tidak diberikan serta tidak pula diwariskan, tetapi hanya disedekahkan untuk diambil manfaatnya sahaja (Siti Mashitoh, 2001). Aplikasi wakaf adalah perlu, antaranya dalam melahirkan keseimbangan dan keadilan dalam agihan kekayaan dalam masyarakat (Dahlan, et.al, 2014).

Kebanyakan fatwa mengenai wakaf di Malaysia dalam bentuk warta yang menerangkan perkara-perkara berikut (Mohd Afendi Mat Rani, 2008):

- i. Kesahihan sesuatu wakaf itu melalui warta seperti warta Johor (J.P.U. 57(1996)) dan warta Wilayah Persekutuan (P.U.(B) 427 (1989)).
- ii. Perlantikan nazir bagi wakaf tersebut seperti dalam warta Johor (J.P.U.27(1992)).
- iii. Dasar-dasar hukum harta wakaf seperti warta Melaka (No.54 (2.2.1995)).

Tujuan perwartaan kesahihan wakaf-wakaf tersebut adalah bagi penggunaan mahkamah yang mungkin akan membatalkan akad wakaf tersebut berdasarkan kepada prinsip common law dan prinsip duluan mengikut kes-kes mengenai harta-harta amanah (Mohd Afendi Mat Rani, 2008; Ahmad Hidayat, 2004).

Warta negeri Melaka yang menerangkan hukum-hukum wakaf seperti berikut :

- i. Harta wakaf tidak boleh dijual beli.
- ii. Harta wakaf tidak boleh diberi.
- iii. Harta wakaf tidak boleh dipindah milik.
- iv. Tanah wakaf diambil oleh kerajaan maka pampasan wajib dibayar dan wangnya terletak hak kepada Majlis dan mesti diganti dengan tanah wakaf yang lain.

Manakala fatwa-fatwa di dalam bentuk minit mesyuarat banyak menyentuh tentang hukum wakaf terutama penjualan harta wakaf dan penukaran syarat harta wakaf. Fatwa Pahang misalnya menetapkan pindah milik harta yang diwakafkan kepada waris pewakaf secara pusaka adalah tidak sah dan mesti dipulangkan kepada Majlis (fatwa Pahang pada 29hb Disember 1989). Begitu juga fatwa Kedah tidak membenarkan aktiviti ekonomi yang bercanggah dengan islam dilakukan di atas tanah wakaf. Namun begitu penukaran syarat tanah-tanah wakaf dibenarkan dengan syarat ianya untuk masalah seperti di dalam fatwa negeri Kedah dengan syarat-syarat seperti berikut (fatwa Kedah pada 19hb Julai 1987).

- i. Harga jualan mestilah mengikut nilai harga semasa.
- ii. Tidak boleh dijual kepada pihak-pihak yang mempunyai perhubungan atau kepentingan dengan pewakaf dan nazir untuk mengelakkan tomahan.
- iii. Harta yang diganti itu adalah lebih baik dari harta asal dan tidak membawa sebarang kemudatan.
- iv. Segala urusan jualbeli mesti dibuat dengan pengetahuan dengan kelulusan Qadhi Besar
- v. Harga jualan mesti tunai (fatwa Kedah pada 19hb Disember 1995).
- vi. Fatwa yang diberikan berdasarkan kepada qawl dari mazhab bukan Syafi'i kebenaran dari DYMM Sultan diperlukan.

Berdasarkan analisis fatwa yang diwartakan, sekiranya kerajaan menggunakan tanah wakaf untuk pembangunan negara maka kerajaan Persekutuan hendaklah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan (Mohd Afendi Mat Rani, 2008).

Negeri Terengganu mengeluarkan fatwa Pembangunan Tanah Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) diwartakan pada tarikh 21 ogos 2008. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu telah bersetuju dan memutuskan seperti berikut:

1) Status Bangunan yang Telah Siap Dibina Di Atas Tanah Wakaf:

- a) Bangunan yang telah siap dibina di atas tanah wakaf tidak menjadi wakaf secara automatik. Sekiranya pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ingin mewakafkannya, ia tidak menjadi halangan.

- b) Bangunan tersebut perlu didaftarkan sebagai harta wakaf yang baru dan perlu memenuhi rukun-rukun wakaf dan enakmen negeri-negeri.
- 2) Pembangunan menggunakan Dana Program Pembangunan Harta Wakaf RMK 9 Di Atas Tanah Baitulmal Milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
 - a) Tanah Baitulmal milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan bangunan yang dibina di atas tanah tersebut yang menggunakan dana program pembangunan Harta Wakaf RMK-9 boleh didaftarkan sebagai Harta Wakaf.
 - b) Untuk memenuhi dan mematuhi peraturan Syariah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) hendaklah merujuk kepada syarat-syarat wakaf yang sedia ada.
- 3) Pemajakan Tanah Wakaf Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Tanah Wakaf boleh dipajak tetapi tidak boleh dijual.
- 4) Penjualan Pajakan Unit kedai/Kediaman/Ruang pejabat yang telah Dibangunkan di Atas Tanah Wakaf.
- 5) Unit-unit kediaman atau kedai yang dibina di atas Tanah Wakaf boleh dipajak kepada individu bagi tempoh jangka panjang.
- 6) Syarat dan kaedah yang perlu dipatuhi supaya menepati keperluan syarak adalah berdasarkan Akad Pajakan (sewaan).
- 7) Status kerajaan Persekutuan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf.
 - a) Kerajaan Persekutuan boleh dianggap sebagai pewakaf dengan syarat peruntukan yang disediakan untuk membangunkan Tanah Wakaf diniat untuk wakaf.
 - b) Sebagai pewakaf, kerajaan berhak menentukan syarat-syarat harta yang diwakafkan. Sungguhpun begitu, pelantikan nazir tidak dibenarkan kerana bercanggah dengan Enakmen sedia ada.
 - c) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) boleh menjadi pemegang amanah dana Program Pembangunan Harta dan Wakaf RMK 9 melalui entiti Wakaf Kebangsaan akan ditubuhkan menerusi usahasama ekonomi dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- 8) Pemegang Amanah Tunggal Wakaf
 - a) Isu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) sebagai pemegang amanah tunggal wakaf bukan merupakan isu syariah sebaliknya isu dasar yang melibatkan pentadbiran.

Pusaka

Pusaka adalah harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah mati untuk diwarisi oleh keluarganya. Dalam bahasa Arab di sebut *al-Irth*, *al-Wirth* atau *al-Warithah* dalam bahasa melayu disebut warisan. Manakala harta warisan atau harta benda peninggalan si mati disebut Al-mirath. Secara syarie al-mirath ialah harta benda atau peninggalan orang yang telah mati dan menjadi hak milik mutlak untuk diagihkan di kalangan mereka yang berhak (Kamal Hamdi, 1987).

Masalah yang timbul daripada pembahagian harta pusaka di Malaysia ialah pemecahan tanah kepada waris-waris dan pemulangan bahagian baitulmal dan penggunaan kaedah "*Radd*". Dalam masalah pemecahan tanah akibat pembahagian pusaka, ia akan menimbulkan masalah dari segi sudut ekonomi tanah itu dan pembayaran cukai. Terdapat fatwa yang membenarkan tanah tersebut tidak dipecahkan tetapi dijual kepada baitulmal dan hasilnya dibahagikan kepada waris-waris diatas dasar untuk mengelak mafsadah atau kemudharatan jika tanah tersebut dipecahkan (fatwa Pulau Pinang pada 20hb September 1981).

Manakala dalam masalah kedua pula diputuskan bahawa dalam keadaan ketiadaan waris asabah dan harta pusaka tersebut berbaki, maka bakinya itu hendaklah menjadi milik baitulmal. Perkara ini kerana peruntukkan undang-undang di

Pulau Pinang tidak menyatakan bahagian yang berbaki tersebut menjadi milik baitulmal. Oleh yang demikian fatwa menjelaskan bahawa bahagian tersebut adalah milik Baitulmal (fatwa Pulau Pinang pada 14hb Disember 1982)(Ahmad Hidayat, 2004; 2005).

KESIMPULAN

Daripada analisis secara ringkas fatwa-fatwa tersebut didapati sikap keterbukaan dalam memberi fatwa terutama yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai dalam ertikata pandangan mazhab Syafi'i tidak diikuti. Amalan memilih atau menggunakan pandangan dari mazhab lain (*takhayyur* dan *talfiq*) menjadi pilihan dalam menangani persoalan-persoalan semasa umat Islam seperti bayaran zakat penggajian, pemindahan syarat-syarat harta wakaf dan sebagainya.

Oleh yang demikian, secara umumnya dapatlah kita simpulkan bahawa fatwa-fatwa di Malaysia, setakat yang dikumpulkan adalah bersifat progresif dan sentiasa memberi perhatian kepada kehendak-kehendak dan tuntutan perubahan masa dan keadaan. Aspek yang kurang jika pun terdapat hanyalah kaedah dan metodologi dalam mengemukakan hujah dan rujukan kepada sumber-sumber yang lebih muktabar di dalam mazhab terutama mazhab-mazhab lain selain Syafi'i.

Dalam pada itu, terdapat beberapa cadangan bagi meningkatkan kredibiliti fatwa di Malaysia. Antaranya ialah supaya diadakan satu piawaian (*standard*) antara fatwa di peringkat negeri dan fatwa kebangsaan, mengadakan penyelarasan antara kedua-dua peringkat fatwa, dan diwujudkan satu jawatan 'Mufti Besar' yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong selepas mendapat perkenan dari Majlis Raja-raja. Untuk itu, kerjasama antara pihak berkuasa negeri dan persekutuan yang sememangnya mempunyai bidang kuasa tersendiri berkenaan fatwa ini beserta agensi masing-masing adalah sangat mustahak (Adil, 2015; Man, S.,2014).

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (ed.). 1998. *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: IKIM
- Abu Zahrah,.1997. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Ahmad Hidayat Buang (ed.). 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya
- Ahmad Hidayat Buang (ed.). 2005. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- al-Khin, Mustafa, et. al., 2003. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i, j. 2 dan 3*. Damshiq: Dar al-Qalam
- al-Qaradawiyy, Yusuf, 2000. *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah, j. 2*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah
- al-Zuhayliyy, Wahbah, 1997. *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh, J. 5*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Kamal Hamdi. 1987. *al-Mawarith wa al-Hibah wa al-Wasiyyah*. Iskandariyah : Dar al-Matbu'ah al-Jami'iyyah.
- M Chiroma, MB Arifin, AH Ansari. 2014. *The Concept of Fatwa (Islamic verdict) in Malaysia and the Constitutional Dilemma: a legislation or legal opinion?* International Journal of Business, Economics and Law, Vol. 4, Issue 3 (June), h. 11-20.
- Man, S. 2014. *Patterns of Contemporary Ijtihad in Malaysia: Analysis on fatwas of Malaysian National Fatwa Council*. Dalam Proceedings of the International Conference on Advances In Management, Economics And Social Science, 07-08 June 2014, Rome, Italy
- Mohamed Azam Adil. 2015. *Standardisation of Fatwa in Malaysia*. Issues, Concerns and Expectations, Islam and Civilisational Renewal 2015 vol.6 Issue 2, hh.196-211.

- Mohd Afendi Mat Rani. 2008. *Fatwa Wakaf Di Malaysia: Analisis Khusus Fatwa Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri*. Dalam Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu, 18-19 Oktober 2008.
- Nur Khalidah Dahlan, Noor Inayah Yaa'kub, Mohamad Abdul Hamid & Mohd Rizal Palil. 2014. *Waqf (Endowment) Practice in Malaysian Society*. *International Journal of Islamic Thought*, Bangi Vol. 5, (Jun 2014), hh. 56-61.
- Siti Mashitoh Mahamood, 2001. *Bagaimana Membuat Wakaf*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Y Shiozaki. 2015. *The Historical Origins of Control over Deviant Groups in Malaysia: Official Fatwa and Regulation of Interpretation*. *Studia Islamika*, Vol 22, No 2, h. 205-232.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.